

# KUTKM ambil 240 pelajar sulung

Archival News | Utusan Malaysia | 18/12/2000

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) yang baru ditubuhkan, akan mengambil 240 pelajar sulungnya pada sesi akademik 2001/2002 yang akan bermula pada Jun ini.

Menurut Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Prof. Dr. Hassan Said, mereka akan ditempatkan di kampus sementara di Melaka.

"Lokasi sebenar kampus sementara itu akan diumumkan kemudian," katanya pada sidang akhbar di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

KUTKM akan mewujudkan lima fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer.

Selain itu KUTKM turut mewujudkan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Pembuatan dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Menurut Dr. Hassan, bagi kemasukan Jun 2001 yang diuruskan melalui JPT, KUTKM akan menawarkan program-program di peringkat Ijazah Pertama.

Program tersebut ialah Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kod CK23), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Kod CK02) dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Kod CC16).

Calon-calon yang ingin mengikuti program Ijazah Pertama mestilah mempunyai kelulusan baik dalam salah satu kelayakan berikut:

- i) Sijil Kemahiran dari Institusi Kemahiran yang diiktiraf
- ii) Sijil Politeknik
- iii) Sijil Matrikulasi dan
- iv) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Dr. Hassan menambah, calon-calon yang tidak mempunyai kelulusan yang baik tetapi mempunyai kemahiran dan pengalaman juga boleh memohon.

"Kita akan pertimbangkan permohonan mereka berdasarkan kekosongan dan pengalaman mereka," katanya.

Baru-baru ini Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad mengumumkan penubuhan KUTKM yang akan ditempatkan di Melaka.

KUTKM akan lebih menekankan program berasaskan kepada praktikal dan aplikasi dengan pengajaran berkonsepkan 'hands-on'.

Dr. Hassan berkata, KUTKM menjangkakan akan mengambil antara 6,000 hingga 7,000 pelajar menjelang tahun 2005.

Dalam pada itu beliau berkata, calon-calon boleh mendapatkan borang permohonan dari JPT.

Bagaimanapun maklumat mengenai program yang ditawarkan oleh KUTKM katanya, tidak dimaklumkan dalam Buku Panduan.

"Memandangkan ia tidak sempat dimasukkan ke dalam buku panduan, para pelajar perlu menggunakan nama program dan kod yang dinyatakan untuk diisikan dalam borang permohonan nanti," katanya.

(Source : Utusan Malaysia)